

PILIH PEMIMPIN BARU JIKA TAK PUAS HATI — DR. M

UM 6 JUN 1986

BAGAN SERAI 27 Jun — Ahli-ahli UMNO berhak untuk memilih pemimpin yang baru jika mereka tidak berpuas hati dengan pemimpin-pemimpin yang ada sekarang, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam semalam.

“Saya sering disoal oleh ahli-ahli UMNO ke arah manakah saya hendak memimpin parti dan berbagai-bagai pertanyaan lagi,” katanya ketika berucap kepada lebih 2,000 orang di majlis jamuan makan malam dan penyampaian anugerah Jasa Mu

Dikenang anjuran UMNO bahagian Bagan Serai. Perdana Menteri menambah, jika ahli-ahli UMNO tidak berpuas hati dengan pemimpinnya, beliau bersedia menerima hakikat tersebut dan ahli-ahli UMNO boleh memilih

pemimpin yang baru untuk memimpinn parti dan negara. “Jika itu yang dikehendaki saya sedia menerima hakikat dan ahli-ahli UMNO berhak memilih pemimpin yang baru dan siapapun tidak boleh menahannya,” ujar

Datuk Sri Dr. Mahathir.

Menurut Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, berbeza sekali dengan ahli-ahli di sebuah parti lain yang akan menerima tekanan yang amat hebat jika mereka cuba

menjatuhkan pemimpin parti mereka. Sikap menghormati dan mengenang pemimpin - pemimpin veteran UMNO yang kini sudah tidak lagi berkhidmat dengan kerajaan hendaklah dikekalkan sebagai suatu amalan di dalam parti, ujar beliau. Kata beliau, veteran-veteran UMNO hendaklah mengundurkan diri dan memberi tempat kepada golongan muda mengambil-alih kepimpinan parti serta berkhidmat kepada agama dan negara. Bagaimanapun Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan golongan muda yang telah mendapat tempat dalam kepimpinan parti dan negara supaya jangan bersikap bongkak tetapi hendaklah terus mengekalkan hubungan baik di antara keduanya. Di samping itu Datuk Sri Dr. Mahathir telah menyampaikan cenderamata kepada 34 orang yang telah banyak berjasa kepada negara dan menentang Malayan Union. Turut hadir ialah Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah, Menteri Besar Perak, Dato' Sri Ramli Ngah Talib serta isteri dan lain-lain pemimpin UMNO negeri.